

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### A. LATAR BELAKANG MASALAH

##### 1. Masyarakat Islam Masa Kini Secara Umum.

Perangkaan sebenar mengenai jumlah sebenar umat Islam di dunia pada hari ini adalah satu perkara yang kontroversi. Malangnya, sehingga kini kontroversi ini masih belum dapat diselesaikan. Di setengah-setengah negara, bincian penduduk telah tidak dibuat untuk selama beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun menurut bincian terdapat seramai 538 juta orang umat Islam <sup>1</sup> ketika ini. Jumlah penduduk dunia yang beragama Islam masih merupakan satu angka yang sangat besar dengan setiap seorang daripada tujuh penduduk dunia yang kini berjumlah empat ribu juta orang adalah mereka yang beragama Islam.

Sepatutnya dengan jumlah ini, umat Islam akan dapat memainkan peranan yang besar bagi membangunkan masyarakat masing-masing malah seharusnya dapat menghidupkan kembali kecermerlangan dan kegemilangan tamadunnya.

---

<sup>1</sup> Ibrahim Mohamed, Perspektif Umat Islam Masa Kini, Pah Islam, Jilid 2, 1976, hal.20.

Dunia Islam pada zaman ini sentiasa penuh dengan kesugulan dan keperitan walaupun seapunya jumlah umat yang terbesar dengan segala ketayaan bumi dan hasilnya, keunggulan warisan tamadun dan tradisi ilmunya, serta kesempurna ideologi dan sistem hidupnya.

Umat Islam kini sentiasa terdedah kepada perpecahan dan kelemahan di segenap aspek dan tidak mampu untuk mempertahani dan membela diri dalam kebanyakan keadaan. Kegemilangan sejarah sesuatu umat akan pudar apabila ia kehilangan kualiti diri yang melayakkannya menerima nikmat kegemilangan itu.

Demikian pula sebaliknya kegemilangan itu akan berulang apabila umat tersebut dapat mengembalikan kualiti diri yang telah hilang. Inilah undang-undang Sunnatullah yang berkuatkuasa pada setiap masa dan ketika.

Walaupun umat Islam menghadapi berbagai-bagai persoalan yang berat dan dibebani dengan masalah-masalah dalaman dan luaran yang parah, namun kita masih perkeyakinan bahawa keunggulan dan kesempurnaan Al-Islam itu akan mampu menyelesaikan krisis dan kemelut yang melanda umat Islam masa kini.

Seorang ulama dan pemikir Islam telah menggagas beberapa saranan sebagai persiapan yang perlu dibuat oleh umat Islam untuk menangani permasalahan umat. Menurut beliau:

"Untuk mendapatkan kembali pimpinan dunia, diperlukan kemampuan secukupnya di bidang iliaiah, perindustrian, ekonomi dan ketenteraan bagi seluruh dunia."<sup>3</sup>

## 2. Penyebaran Islam ke Negeri Pahang.

Penyebaran Islam ke Negeri Pahang adalah hasil penaklukan Kerajaan Melayu Melaka ke atas negeri tersebut.<sup>4</sup> Didapati bahawa agama asal yang dianuti oleh penduduk Negeri Pahang pada waktu itu ialah agama Buddha.<sup>5</sup>

Penulis Sejarah Pahang menegaskan bahawa Islam dapat diketahui di Pahang pada pertengahan kurun ke 15 Masehi. Kenyataan ini dapat diterima memandangkan Kerajaan Melayu Melaka di bawah pemerintahan Sultan

<sup>3</sup>

Abdul Hasan Ali Al-Hadawi, One Decade Since Islam Brought, Media Bakti, Jakarta, 1983, hal. 43.

<sup>4</sup>

Hj. Duyong Adil, Sejarah Mula Mula Islam Di Negeri Melayu, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973, hal. 33.

<sup>5</sup>

W. Liachan, History of Pahang, Volume XIV part II, Kuala Lumpur, JMBRAS, 1973, hal. 5.

Mansor Shah telah menghantar satu angkatan perang yang diketuai oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan Sri Bija Di Raja menyerang Pahang. Pada masa itu Pahang di bawah takluk Siam dan pemerintahnya ialah Maharaja Dewa Sura dari keluarga Raja Siam.

Apabila Pahang dapat ditakluki, maka baginda Sultan Mansor Shah telah mewarintahkan Sri Bija Di Raja sebagai wakilnya menjadi ketua Pahang. Puteri Maharaja Dewa Sura yang bernama Puteri Wanang Seri telah dilisankam dan ditukar nama kepada Puteri Lela Wangsa, Sultan Mansor kemudiannya mengahwininya. Seluruh pembesar dan rakyat Negeri Pahang turut dilisangkan.

Manakala satu catatan lain pula, menyatakan bahawa pada pertengahan abad ke 16 Masehi, bermula tahun 1550 Masehi orang Minangkabau yang telah lama memeluk Islam telah berpindah beramai-ramai ke Pahang. Mereka menetap di sepanjang persisiran Sungai Pahang. Hal ini diakui sendiri oleh Orang Kaya Indera Pahlawan Cenor.

<sup>6</sup>  
H.J. Duypont Adil, pp. 515, hal. 33.

<sup>7</sup>  
Ibid., hal. 7.

<sup>8</sup>  
Ibid., hal. 34.

Mansor Shah telah menghantar satu angkatan perang yang diketuai oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan Sri Bija Di Raja menyerang Pahang. Pada masa itu Pahang di bawah takluk Siam dan pemerintahnya ialah Maharaja Dewa Sura dari keluarga Raja Siam.<sup>6</sup>

Apabila Pahang dapat ditakluki, maka baginda Sultan Mansor Shah telah mewarintahkan Sri Bija Di Raja sebagai wakilnya menjadi ketua Pahang. Puteri Maharaja Dewa Sura yang bernama Puteri Wanang Sari telah dilisamkan dan ditukar nama kepada Puteri Lela Wangsa, Sultan Mansor kemudianya mengahwininya. Seluruh pembesar dan rakyat Negeri Pahang turut dilisamkan.

Manakala satu catatan lain pula, menyatakan bahawa pada pertengahan abad ke 16 Masehi, bermula tahun 1350 Masehi orang Minangkabau yang telah lama memeluk Islam telah berpindah beramai-ramai ke Pahang. Mereka menetap di sepanjang persisiran Sungai Pahang. Hal ini diajui sendiri oleh Orang Kaya Indera Pahlawan Cenor.<sup>7</sup>

<sup>6</sup>  
Hj. Bayong Adil, pp. 51, hal. 33.

<sup>7</sup>  
Ibid., hal. 7.

<sup>8</sup>  
Ibid., hal. 34.

<sup>9</sup>  
J.N. Gulliet, Sistem Politik Dua Putera Tengah Negeru Berat, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hal. 20.

Secara langsung kedatangan orang-orang Minangkabau telah membantu penyebaran Islam ke Negeri Pahang.

Kedatangan Islam ke Negeri Pahang juga dapat dibuktikan dengan terjumpanya batu nisan yang ditemui di Kampung Permatang Pasir, Pekan, Pahang. Pihak Muzium Negeri Pahang dan Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang telah menterjemahkan tulisan dan tarikh yang terdapat di batu nisan tersebut yang bermaksud :

"Si mati meninggal dunia pada waktu Subuh hari Rabu 14 hb. Rabi'ul Awal tahun 419 Hijrah."

Oleh yang demikian dengan terjumpanya batu nisan tersebut, telah menjadi bukti yang memperkuatkan lagi keterangan mengenai kedatangan Islam ke Negeri Pahang di samping penaklukan dan kedatangan orang luar yang seterusnya mengembangkan agama Islam ke Negeri Pahang.

Dari ketiga-tiga pendapat tersebut di atas penulis dapat membuat kesimpulan bahawa Islam sampai ke Negeri Pahang adalah terbukti dengan terjumpanya batu nisan di Pekan, Pahang. Hal ini lebih jelas menunjukkan bahawa salah satu jalan Islam datang ke Tanah Melayu iaitu melalui Pantai Timur Semenanjung seperti mana yang

6

tercatat. Ia lebih awal daripada Batu Bersurat di Kuala  
Berang, Terengganu. Oleh itu bukti ini lebih menguatkan  
lagi keterangan mengenai kedatangan Islam ke Negeri  
Pahang seperti yang dibincangkan.

---

10

Batu bersurat Terengganu telah dijumpai pada 1902 Masohi di Kuala Berang, Terengganu. Ia merupakan bukti wujudnya satu negeri yang menjalankan undang-undang Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Prof. Mohd. Nohtiar bin Shafie : Batu Mesan Kurun ke 3 H/10 N di Petani, Pahang, Dewan Negara Ri Malaysia, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hal. 26.

## B. PENGERTIAN TAJUK DAN RUMUSAN MASALAH

Bebelum membincarakan dengan lebih lanjut lagi mengenai tajuk ini, terlebih dahulu penulis akan memperkatakan secara terperinci tentang pengertian tajuk penulisan ini iaitu "Peranan Guru-guru Takmir Dalam Penyebaran Islam Di Daerah Temerloh."

"PERANAN" di sini dari segi bahasanya membawa maksud: "pemain, sandiwara, fungsi, guna, rok, bahagian kerja dan kewajipan tugas yang tertentu." Maka dapatlah dikatakan bahawa "peranan" itu adalah suatu perkara yang dilakukan<sup>11</sup> oleh suatu pihak terhadap suatu pihak yang lain untuk tujuan tertentu. 'GURU' pula di sini memberi makna "pendidik, pengasuh atau pengajar". Apa yang dimaksudkan di sini ialah guru-guru agama yang terlibat mengajar mengenai agama di tempat yang ditunjukkan.<sup>12</sup>

Perkataan 'TAKMIR' pula adalah berasal dari Bahasa Arab iaitu 'تمير' (تَمِير) yang bermaksud

<sup>11</sup> Hj. Zainal Abidin, (et.al), Kamus Sionis, (Lempar Dengan Rangkaian), Utusan Publication & Distributors, Sdn. Bhd. Cetakan 1, Kuala Lumpur, 1983. hal.663.

<sup>12</sup> Dr. Yusku Iskandar, Kamus Dewan, cetakan 3, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hal. 336.

13

"memakmurkannya". Dalam konteks ini ia memberi makna "menghidupkan masjid dengan budaya ilmu dan memakmurkannya dengan berbagai-bagai program selaras dengan fungsiya sebagai pusat ibadat kepada umat Islam."

'MASJID' pula berasal dari perkataan Arab iaitu ('مَسْجِد'), (مسجد), ertiya masjid adalah nama tempat bagi perkataan sajada yang bermaksud sujud. Masjid dengan pengertian yang lebih luas ialah merupakan tempat ibadat dan juga kegiatan beragama bersama tempat perkembangan budaya ilmu. Dalam Kamus Dewan pula bermaksud "bangunan tempat orang Islam beribadat."<sup>13</sup>

14

15

13

Ibid., hal. 776.

14

Ibn Al-Naqqar, Jaâluddin Muhaâd bin Mutarr, Lisan Al-Arab. Jilid 3, Beirut, 1968, hal. 24.

15

Ibid., hal. 224.

Perkataan 'DALAM' pula memberi memberi makna "di  
16 antara atau di kalangan", manakala 'ISLAM' pula  
17 bermakna "agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW  
kepada seluruh umat manusia di dunia ini. Islam juga  
adalah agama yang sesuai dengan semua gelagat manusia  
tanpa membezakan di antara golongan yang kaya dengan  
golongan yang miskin. Islam di sini membawa maksud suatu  
cara hidup yang dikurniakan oleh Allah SWT bagi manusia  
jadikan panduan dan petunjuk sepanjang menjalani  
penghidupan di dunia ini. . .

'PENYEBARAN' pula berasal dari perkataan 'sebar'  
yang membawa maksud "berkembang ke serata tempat"  
18 (berkenaan sesuatu ajaran agama dan lain-lain).  
Penyebaran Islam di sini ialah "mengembangkan ajaran  
Islam ke seluruh tempat dan daerah yang menjadi kawasan  
tempat tinggal dan kediaman manusia." Ajaran dan hukum  
Islam perlu disebarluaskan kepada seluruh manusia supaya  
mereka beriman kepada Allah SWT dan mengakui kenabian  
Muhammad SAW.

---

16

Ibid. hal. 763.

17

Ibid. hal. 636.

18

Ibid. hal. 343.

## 1. Rumusan Masalah

Di dalam kertas projek ini penulis telah mengumpulkan beberapa permasalahan yang menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini dengan lebih teliti. Di sini penulis cuba mengutarakan masalah-masalah tersebut untuk dijadikan bahan perbincangan dalam bab yang seterusnya. Di antara masalah-masalah itu ialah :

Masalah pertama:

- Bagaimanakah kedudukan institusi masjid di Daerah Temerloh.

Masalah kedua:

- Bagaimanakah kedudukan organisasi Takmir masjid/surau di Daerah Temerloh.

Masalah ketiga:

- Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Guru Takmir di Daerah Temerloh dalam penyebaran Islam.

Masalah keempat:

- Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Guru Takmir dalam penyebaran Islam.

Masalah kelima:

- Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Guru Takmir di Daerah Temerloh.

Penulis telah merumuskan semua permasalahan secara terperinci dalam Bab IV (Laporan Penyelidikan).

## 2. Latar Belakang Kawasan Kajian (Daerah Temerloh).

Daerah Temerloh terletak di Negeri Pahang, ia disempadani oleh Daerah Jerantut di utara, Daerah Rantong di barat, Rompin di timur dan Negeri Sembilan di selatan. Keluasan daerah Temerloh ialah 1,724 batu persegi (1,103,360 ekar). Bilangan Mukim yang terdapat di Daerah Temerloh ialah sebanyak 12 buah. Manakala bilangan kampung yang terdapat di daerah ini ialah sebanyak 223 buah kesemuanya.

Menurut bancian penduduk yang dibuat pada tahun 1980, terdapat seramai 213,355 orang penduduk di daerah ini. Pembahagian masyarakat yang mendiami di Daerah Temerloh ini dari segi etnik ialah masyarakat Melayu seramai 109,129 orang dan selebihnya terdiri dari kaum Cina, India dan lain-lain.

Sebahagian besar daripada masyarakat Melayu tinggal di luar bandar, bekerja sebagai petani, peniaga, peniqliq qetah dan buruh besar. Mereka menetap di pinggir bandar dan sepanjang persisiran Sungai Pahang. Manakala mereka yang tinggal di bandar pula kebanyakannya bekerja sebagai pengawal kerajaan, pelajar, sukarela dan usahawan.

kilang-kilang perusahaan.

Manakala kaum Cina dan India yang juga menjadi sebahagian daripada penduduk Daerah Temerloh pula kebanyakkan mereka tinggal di bandar dan bekerja sebagai peniaga dan buruh di estet-estet getah. Kebanyakkan daripada kaum Cina tinggal di bandar manakala kaum India pula di ladang-ladang getah.

### C. TUJUAN PENYELIDIKAN

Di sini penulis akan mengemukakan beberapa perkara berkaitan dengan tujuan kajian dan penyelidikan ini dijalankan. Di antaranya ialah :

- 1) Meneliti perjalanan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat Islam dalam konteks memakmurkan masjid dan menghidupkannya dengan budaya ilmu.
- 2) Menilai kembali gerak kerja dakwah yang dijalankan oleh Guru-guru Takmir, golongan ulama' dan cendikawan Islam terhadap perkembangan Islam di daerah masing-masing.
- 3) Mengetahui dengan lebih hampir konsep dan peranan masjid serta tanggungjawab pegawai-pejawai masjid dalam mengimarahkan masjid. Di samping itu juga meninjau kembali sistem pengajian di masjid di bawah program Takmir Masjid.
- 4) Mencari jalan penyeluruh terhadap beberapa permasalahan tentang konsep tafahaman dan penghayatan terhadap ajaran Islam dalam

kehidupan sehari-hari di kalangan masyarakat setempat.

- 3) Melihat dan meneliti sejauhmanakah sambutan, minat dan sokongan masyarakat dari berbagai peringkat usia dan jantina terhadap program pengajian di masjid dan proses Takmir Masjid khususnya.
- 4) Membuat suatu analisa secara lebih sistematis terhadap proses pendidikan Takmir Masjid supaya dapat dikemaskinikan lagi pada masa yang akan datang.
- 5) Mengenal pasti aspek-aspek pendidikan yang diperlukan oleh masyarakat yang bersesuaian dengan pergolongan mereka dalam konsep perkembangan dan pembangunan dakwah Islamiah pada masa yang akan datang.

## D. METHODOLOGI

Dalam menyiapkan kertas projek ini penulis telah menggunakan beberapa method yang tertentu. Di sini penulis akan menerangkan secara ringkas method-method yang digunakan itu. Walaupun bagaimanapun penulis akan membentangkan secara terperinci di dalam Bab III yang akan membincarakan tentang Methodologi Penyelidikan.

Method-method yang telah penulis gunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut :

- 1) Method Pengumpulan Data.
- 2) Method Analisa Dan Penulisan Data.

### 1. Method Pengumpulan Data.

Dalam usaha mendapatkan data dan fakta, penulis melibatkan kedua-dua method penyelidikan iaitu method penyelidikan perpustakaan dan method penyelidikan lapangan. Di dalam method penyelidikan perpustakaan penulis telah menggunakan perpustakaan-perpustakaan berikut :

- a) Perpustakaan Kesar Universiti Malaya.
- b) Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya.
- c) Perpustakaan Awam Fikrat Islam Kuala Lumpur.
- d) Perpustakaan Negara Malaysia.

- e) Perpustakaan Besar Universiti Islam Antarabangsa.
- f) Perpustakaan Pusat Dakwah Islamiah Pahang, Pekan, Pahang.
- g) Perpustakaan Kullij Tinggi Agama Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.
- h) Perpustakaan awam Daerah Temerloh, Pahang.

Penyelidikan lapangan pula melibatkan beberapa method lain, method-method itu adalah seperti berikut :

- a) Method Historis.
- b) Method Dokumentasi.
- c) Method Temuduga (Interview).
- d) Method Pemerhatian (Observasi).
- e) Method Kajiselidik.

## 2. Method Analisa Dan Penulisan Data.

Dalam menganalisa data, penulis menghuraikan method analisis deskriptif yang berkualiti yang nyata menggunakan method-method seperti berikut :

- a) Method Induktif.

Iaitu cara membuat kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

b) Method Deduktif.

Iaitu cara membuat kesimpulan yang berpangkal dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar membuat kesimpulan yang bersifat khusus.

c) Method Komparatif.

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi.



Muraian dan perbincangan secara lengkap akan dibicarakan di dalam Bab III kelak iaitu Bahagian Methodologi.

## E. SISTEMATIKA PENULISAN

Latihan ilmiah ini mempunyai susunan penulisan yang tertentu. Ini membolehkan penulis membuat analisa data yang aktsama dan membuat perulisan yang baik serta membuatkan hasil yang bermutu.

Dalam Bab I (Pendahuluan) penulis telah membentangkan secara ringkas tentang masyarakat Islam masa kini. Kemudian penulis juga menerangkan tentang penyebaran Islam ke Negeri Pahang, pengertian tajuk, rumusan masalah, latar belakang kawasan kajian, tujuan penyelidikan, metodologi, dan akhir setali sistematika penulisan.

Dalam Bab II (Landasan Teori) pula penulis telah mengemukakan cara-cara, pengertian dan aspek-aspek yang berkaitan dengan penyebaran agama Islam. Penulis juga menjelaskan tentang peranan organisasi dan Guru-guru Islam dalam penyebaran Islam.

Dalam Bab III pula, penulis telah menjelaskan tentang metodologi sesebuah tesis penulisan.

Dalam Bab IV (Laporan Penyelidikan) pula penulis telah mengemukakan tentang pokok permasalahan yang dibincangkan dalam kajian ilmiah ini, iaitu tentang peranan Guru Takmir secara keseluruhan dan proses perlaksanaan pengajian Takmir, mutlamat penubuhannya dan keberkesanannya pengajian Takmir ini.

Dalam Bab V (Penutup) pula penulis telah membuat kesimpulan dari apa yang telah diperbincangkan dalam Bab I, Bab II, Bab III dan Bab IV. Penulis juga mengemukakan beberapa cadangan dan saranan untuk meningkatkan lagi kuantiti dan kualiti program rancangan Takmir Masjid/surau ini.